

23 MAR 1997

DR MAHATHIR PULANG DARI RIYADH

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air dari Saudi Arabia tengah hari ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di Subang disambut oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Semasa di Riyadh, Dr Mahathir menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal kerana sumbangannya kepada Islam.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir turut menunaikan umrah. -- BERNAMA
ES MAI